

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 JUN 2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan
:-

- (a) Apakah rasional semakan semula harga bahan api dan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) Berapakah jumlah keseluruhan hasil yang dilepaskan PETRONAS sejak tahun 1997 sehingga 2013 bagi sektor elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Semakan tarif yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014 sebahagian besarnya adalah disebabkan semakan semula harga bahan api iaitu gas domestik daripada RM13.70/MMBtu kepada RM15.20/MMBtu, harga arang batu daripada USD85/tan kepada USD87.5/tan serta penggunaan gas asli cecair (LNG) yang diimport pada harga pasaran iaitu RM41.68/MMBtu. Komponen bahan api ini telah menyumbang kepada kenaikan tarif sebanyak 4.09 sen/kWj atau 82% daripada kenaikan tarif keseluruhan sebanyak 4.99sen/kWj. Sebarang perubahan harga bahan api ini sudah tentu akan memberi kesan yang signifikan kepada kos membekalkan elektrik.

2. Komponen lain yang terlibat dalam kenaikan tarif ialah semakan tarif asas TNB iaitu sebanyak 18% atau 0.90sen/kWj daripada kenaikan tarif keseluruhan. Semakan tarif asas ini disemak setiap 4 tahun bagi memastikan pihak utiliti memperolehi pulangan yang munasabah agar dapat terus membekalkan elektrik yang berkualiti dan berdaya harap.

3. Tidak dinafikan bahawa pihak TNB memperolehi keuntungan bersih bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 2013 sebanyak RM 4.58 bilion. Namun begitu, jumlah tersebut masih belum mencukupi untuk menampung kos pelaburan bagi membiayai projek-projek penjanaan yang baru serta projek-projek penghantaran dan pengagihan yang dianggarkan sekitar RM 6 - 7 bilion.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Jumlah keseluruhan hasil gas yang dilepaskan PETRONAS sejak tahun 1997 sehingga Disember 2013 untuk sektor elektrik bagi memastikan tarif elektrik yang rendah dinikmati oleh rakyat ialah sebanyak RM137.15 billion.
